

## HIFZ AL-NAFS DALAM MAQASID SYARIAH: ANALISIS TEORITIKAL

### *HIFZ AL-NAFS IN MAQASID SYARIAH: A THEORITICAL ANALYSIS*

Mustaqim Roslan, M.

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,  
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.  
E-mel: muhd.mustaqim@usas.edu.my

#### **Abstrak**

Teori *hifz al-nafs* sering dikaitkan dengan perlindungan nyawa, terutama dalam konteks perlaksanaan hukuman qisas. hukuman ini bertujuan untuk melindungi daripada kehilangan nyawa, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menakutkan mereka yang berniat melakukan jenayah pembunuhan atau kecederaan, dan mencegah pelaku jenayah agar tidak mengulangi perbuatan tersebut. Namun begitu, takrifan *hifz al-nafs* sebagai menjaga nyawa itu dikritik oleh Muhammad Tahir Ibnu 'Asyur dalam kitabnya *maqasid syariah Islamiyah*. Beliau berpandangan bahawa tidak bermakna memelihara nyawa itu dengan menetapkan hukuman qisas semata-mata. Hal ini kerana hukuman qisas itu sendiri adalah kaedah paling lemah dalam memelihara nyawa, kerana ia mengakibatkan kehilangan nyawa. Malah kaedah pemeliharaan yang terpenting adalah dengan memelihaanya sebelum berlaku kebinasaan. Oleh yang demikian, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk menyelusuri maksud dan konsep sebenar dalam memahami teori *hifz al-nafs* itu sendiri menurut pandangan ulama-ulama silam dan kontemporari. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Hasil dapatan menunjukkan bahawa konsep *hifz al-nafs* itu ialah suatu tuntutan menjaga nyawa, menjaga diri dan menjaga jiwa yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dan rasul-Nya di dalam al-Quran al-Karim dan *al-sunnah al-nabawiyyah* daripada dua dimensi utama yang meliputi dimensi jasmani dan dimensi rohani. Oleh itu, kajian ini mengharapkan agar konsep teori *hifz al-nafs* itu tidak disempitkan pemahamannya oleh sebahagian pihak dengan merujuk kepada menjaga nyawa semata-mata, bahkan konsepnya itu perlulah sentiasa diperluaskan pada masa hadapan bersesuaian dengan peredaran zaman.

**Kata kunci:** *hifz al-nafs, jasmani, maqasid syariah, rohani, teoritikal*

#### **Abstract**

*The theory of hifz al-nafs is often associated with protecting life, especially in the implementation of qisas punishment context. the qisas punishment purposes are to protect one from losing life, to defend oneself from being violated, to frighten people who intended to commit murder or injury crimes, and to prevent those criminals from repeating the crimes. Nevertheless, the definition of hifz al-nafs as protecting life was criticized by Muhammad Tahir Ibnu 'Ashur himself, in his book maqasid syari'at Islamiyah. He believes that the punishment of qisas alone is not meant to preserve one's life. This is*

*due to the fact that qisas punishment is an ineffective method of preserving one's life because it causes loss of one life. In fact, the most important preservation method is to save it before being destroyed. Therefore, this article aims to explore the true meaning and concept in understanding the theory of hifz al-nafs according to the perspectives of contemporary scholars. The study's philosophy is interpretive using a qualitative approach in adapting the study design. Meanwhile, the document content analysis method was used in this study for data collection and analysis. The findings showed that the concept of hifz al-nafs is a claim to protect one's life, oneself, and one's soul that Allah S.W.T and His Messenger established in the al-Quran al-Karim and al-sunnah al-nabawiyyah from two main dimensions, which include the physical dimension and the spiritual dimension. Thus, this study hopes that the theoretical concept of hifz al-nafs is not narrowed down by some parties to protect life alone but indeed the concept needs to be expanded in the future in line with the flow of time.*

**Keywords:** hifz al-nafs, physical, maqasid shari'ah, spiritual, theoretical.

---

## Pendahuluan

Perkataan *hifz al-nafs* dalam *maqasid syariah* merupakan istilah yang tidak asing lagi diguna pakai oleh ilmuwan Islam khususnya dalam bidang usul fiqh. Mereka sering mentakrifkan istilah *hifz al-nafs* ini sebagai melindungi daripada kehilangan nyawa, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menakutkan mereka yang berniat melakukan jenayah pembunuhan atau kecederaan, dan mencegah pelaku jenayah agar tidak mengulangi perbuatan tersebut. Hal ini adalah hikmah umum dan maslahat jelas yang dipelihara oleh syarak. Pandangan al-Juwaini (2003) dalam menghuraikan pandangan Imam Syafii terhadap teori *hifz al-nafs* itu. Hal ini dapat disokong oleh frman Allah S.W.T:

Maksudnya: Kami telah menetapkan bagi mereka di dalamnya (Taurat) bahawa nyawa (dibalas) dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qisas nya (balasan yang sama). Barang sesiapa melepaskan (hak qisas) nya, maka itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barang sesiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah S.W.T, maka mereka itulah orang-orang zalim.

(Surah al-Ma'idah, 5: 45)

Namun begitu, takrifan *hifz al-nafs* sebagai menjaga nyawa itu dikritik oleh Muhammad Tahir Ibnu 'Asyur (2011). Beliau menghuraikan bahawa makna memelihara nyawa adalah menjaga roh daripada kebinasaan sama ada secara individu mahupun secara umum, kerana alam dan masyarakat itu sendiri adalah terdiri daripada kumpulan individu manusia dan setiap individu mempunyai keistimewaan tersendiri yang boleh membawa kepada pembangunan alam. Tidak bermakna memelihara nyawa ini dengan menetapkan hukuman qisas semata-mata. Hal ini kerana, hukuman qisas itu sendiri adalah kaedah terlemah dalam memelihara nyawa kerana menyebabkan kehilangan. Malah kaedah pemeliharaan yang terpenting adalah dengan memeliharanya sebelum berlaku kebinasaan (Ibnu 'Asyur, 2011). Berlakunya khilaf dalam memahami teori *hifz al-nafs* ini adalah tidak lain disebabkan oleh termanya begitu umum yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk menyelusuri maksud dan konsep *hifz al-nafs* itu sendiri menurut pandangan ulama-ulama silam dan kontemporari. Dengan adanya kajian ini, teori *hifz al-nafs* itu dapat difahami dari pelbagai sudut bersandarkan kepada pandangan ulama-ulama Islam sezaman, seterusnya dapat menghindari daripada sifat kejumuhan dalam memahami konsep sebenar terhadap teori *hifz al-nafs* itu sendiri. Pengkaji meyakini bahawa

teori *hifz al-nafs* ini telah dipelbagaikan maksud dan konsepnya dan tidak hanya terarah kepada menjaga nyawa semata-mata. Namun, sejauh mana kebenaran dakwaan tersebut memerlukan penelitian lebih lanjut dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah konsep sebenar dalam memahami teori *hifz al-nafs* menurut pandangan ilmuwan Islam?

### Sorotan Kajian

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlebar di bawah skop *hifz al-nafs* dalam *maqasid syariah* bagi memperkuatkan lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan satu artikel jurnal pada tahun 2020 iaitu daripada *Islamic Review: Jurnal Riset dan Kajian Keislaman*. Kajian ini ditulis oleh Raohatul Hayat (2019) berjudul “*Formula Pemeliharaan Jiwa (Hifz al-Nafs) Pada Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2019*”. Kajian ini menggunakan teori *hifz al-nafs* secara tidak langsung untuk melihat sejauh manakah undang-undang nomor 16 tahun 2019 dapat menjaga jiwa para wanita tatkala undang-undang nomor satu tahun 1974 sebelum ini yang membenarkan perkahwinan mereka seawal umur 16 tahun dimansuhkan dan disama tara dengan umur lelaki iaitu 19 tahun dalam undang-undang baharu. Seterusnya, teori *hifz al-nafs* ini juga turut dibincangkan dalam satu artikel jurnal oleh Muhammad Latiffi Mahadzir et al. (2019) yang berjudul “*Pembangunan Jiwa Berasaskan Konsep al-Nafs Menurut Perspektif Ibnu Bajjah*”. Artikel ini merupakan jurnal Usuluddin 47 (khas) yang diterbitkan pada tahun 2019. Kajian ini menggunakan teori *hifz al-nafs* secara tidak langsung sebagai perbincangan utama dan melihat bagaimana tokoh yang bernama Ibnu Bajjah sangat menitikberatkan konsep *al-nafs* dalam pembangunan jiwa bagi melahirkan hubungan antara pencipta dan hambaNya.

Selain itu, terdapat juga satu artikel jurnal daripada International Journal of Business Economics and Law berjudul “*Aplikasi Maqasid Syariah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21*” oleh Zubair Amir et al. (2019). Kajian ini turut menggunakan teori *hifz al-nafs* secara tidak langsung dalam menganalisis sistem baharu dalam pendidikan iaitu pembelajaran Abad ke-21 selain daripada teori-teori maqasid yang lain khususnya teori Hifz al-‘Aql. Adapun yang terakhir ialah satu artikel jurnal bertajuk “*Fatwa dan Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syariah*” turut disoroti dalam kajian ini. Artikel ini diterbitkan pada tahun 2019 oleh International Journal of Islamic and Civilizational Studies oleh Arieff Salleh et al. (2019). Kajian ini menggunakan teori *hifz al-nafs* secara tidak langsung selain daripada teori-teori yang lain dalam menganalisis pengaplikasiannya dalam sains perubatan. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun konsep *hifz al-nafs* itu ditakrifkan di awal penulisan, namun perbahasananya tidaklah hanya tertumpu kepada teoritikal *hifz al-nafs* itu secara mendalam dengan sandaran hujah daripada ulama-ulama silam dan kontemporari. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

### Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan, 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim, 2016).

Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen.

Kaedah analisis kandungan dokumen merupakan teknik yang digunakan untuk mendapatkan data dokumen. Menurut Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006), kaedah ini juga adalah teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks atau bahan lain yang bermakna bagi konteks yang digunakan. Tambahan lagi, pengumpulan data melalui kaedah analisis kandungan dokumen ini turut dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Kaedah ini diadaptasikan untuk mendapatkan data-data primer dan sekunder daripada tafsir dan syarah al-Quran, al-Sunnah, artikel-artikel jurnal, buku-buku ilmuwan klasik dan kontemporari, kajian-kajian ilmiah pascasiswazah, kertas-kertas kerja persidangan dan semua dokumen yang berkaitan dengan kajian ini (Mustaqim Roslan, 2023).

### **Konsep Teori *Hifz Al-Nafs***

Secara etimologi perkataan *hifz al-nafs* adalah dua istilah bahasa Arab yang digabungkan dan membawa maksud menjaga nyawa. Perkataan *hifz* bererti menjaga dan perkataan *al-nafs* pula bermaksud roh (nyawa), jasad dan darah (Ibnu Manzur, 2012). Jika merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), istilah menjaga merujuk pelbagai maksud seperti menjaga dalam keadaan tidur, mengawal dan mengawasi agar sesuatu tidak hilang, memelihara dan sebagainya. Manakala nyawa pula adalah merujuk pelbagai maksud seperti roh yang menghidupkan manusia, jiwa dan lain-lain. Selain itu, ia juga membawa maksud batin iaitu merujuk kepada perasaan, fikiran, cita-cita dan lain-lain yang terkandung dalam hati manusia.

Sementara secara terminologi pula, terdapat pelbagai pendapat yang berbeza dalam kalangan ahli ilmuwan ketika menterjemahkan konsep *hifz al-nafs* ini. Dalam membuat analisis terhadap konsep *hifz al-nafs* ini, kajian ini telah membuat sorotan kepada takrifan konsep ini daripada pelbagai literatur. Antaranya al-Juwayni (2003) dalam menghuraikan pandangan Imam Syafii terhadap konsep *hifz al-nafs* itu sebagai menjaga nyawa dengan diperundangkan hukuman qisas adalah untuk menjaga nyawa daripada hilang, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menggerunkan orang yang bercita-cita untuk melakukan jenayah bunuh atau cedera, menghalang orang yang pernah melakukannya agar tidak mengulanginya. Hal ini adalah hikmah umum dan maslahat jelas yang dipelihara oleh syarak.

Manakala konsep *hifz al-nafs* ini sedikit berbeza pula dengan pandangan al-Ghazali (2000) kerana beliau menghuraikan konsep ini berdasarkan tiga pendekatan iaitu *tazkiyat al-nafs*, *mujahadat al-nafs* dan *riyadat al-nafs*. *Tazkiyat al-nafs* merupakan proses penyucian jiwa daripada perkara yang keji dan kotor hasil daripada perbuatan yang jahat. Adapun *mujahadat al-nafs* ialah kesungguhan melawan nafsu dan menghapuskannya, manakala *riyadat al-nafs* ialah selepas proses menyucian diri, manusia hendaklah bermujahadah daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang olehnya menerusi latihan jiwa. Hal ini bermaksud, konsep *hifz al-nafs* itu adalah dengan menyucian jiwa, melawan nafsu dan berlatih untuk tidak melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan jiwa.

Menurut al-Razi (1986), konsep *hifz al-nafs* ini dapat dilihat daripada dua aspek. Pertama daripada aspek sandaran jiwa kepada badan, di mana jiwa merupakan penyempurnaan akal bagi jisim *tabi'e* yang mempunyai alat dan berpotensi menerima kehidupan. Kedua, daripada aspek hakikatnya, iaitu jiwa merupakan satu *jawhar* yang tersendiri dan berlainan daripada jasad. Ia berhubung kait dengan badan daripada aspek pengurusan dan pelaksanaan jiwa sebagai pengurus dan pelaksana,

manakala anggota badan pula sebagai alat dan kelengkapan bagi jiwa. Pandangan ini dilihat bahawa akal dan tubuh badan itu memainkan peranan penting dalam menjaga jiwa dan menjadikannya saling melengkapi.

Menurut Ibnu Bajjah (1945), konsep *hifz al-nafs* itu adalah menjaga diri manusia itu sendiri. Oleh itu, diri manusia itu dapat dibahagikan kepada dua iaitu tabiat dan roh. Tabiat umpamanya dilihat oleh Ibnu Bajjah sebagai sifat yang menumpang kepada manusia. Tabiat tidak boleh berdiri sendiri, sebaliknya ia perlu berada pada manusia yang hidup. Hal ini kerana, dengan tabiat manusia itu bergerak dan melakukan sesuatu. Manakala roh pula, Ibnu Bajjah melihat ia perlu menumpang pada jasad manusia. Roh sahaja tidak mampu untuk melakukan sesuatu. Jasad manusia pula tidak dapat bergerak tanpa roh dan ini bermakna kedua-duanya saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Hal ini bermaksud, konsep *hifz al-nafs* itu perlulah menjaga tiga gabungan yang melengkapkan kepada diri manusia iaitu roh, jasad dan tabiat.

Menurut Ibnu Manzur (2012) pula, beliau meriwayatkan bahawa Ibnu Abbas berkata pada setiap manusia ada dua kategori *al-nafs* iaitu *nafs al-'aql* dan *nafs al-ruh*. Fungsi *nafs al-'aql* ialah membezakan iaitu *al-tamyiz*, manakala *nafs al-ruh* pula ialah memberi nyawa iaitu *al-hayat*. Oleh itu, *hifz al-Nafs* itu adalah merujuk kepada menjaga akal dan roh itu sendiri. Bagi Muhammad Khayr (2003), *al-Nafs* mempunyai pelbagai makna yang boleh disimpulkan dalam dua kategori iaitu *al-nafs al-kubra* yang merupakan zat seseorang manusia secara menyeluruh dan *al-nafs al-sughra* iaitu sesuatu yang terdapat dalam diri manusia yang menggabungkan banyak sifat dan ciri-ciri yang diterjemahkan dalam bentuk perbuatan. Hal ini bermaksud, konsep *hifz al-nafs* itu adalah menjaga zat manusia itu dengan menyifatkan ciri-ciri yang baik kerana ia akan diterjemahkan dalam bentuk perbuatan.

Al-Raysuni (1995) pula menjelaskan bahawa al-Syatibi mentakrifkan konsep *hifz al-nafs* sebagai pemeliharaan hidup yang boleh dicapai dengan tiga cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci serta menyediakan pakaian dan tempat tinggal. Berdasarkan takrifan ini, al-Syatibi menjelaskan konsep *hifz al-nafs* melalui tiga pendekatan yang terkenal dalam bukunya al-Muwafaqat, iaitu menjaga *daruriyat*, *hajiyat*, dan *tahsiniyat*. Takrifan ini dapat disokong oleh al-Ghazali (1997) yang menjelaskan bahawa konsep *hifz al-nafs* itu bermaksud memelihara kehidupan manusia melalui peruntukan undang-undang dan hukuman yang boleh menjamin hak hidup manusia.

Menurut Ibnu Qayyim (2001), segala penyakit hati berpunca daripada kerosakan jiwa. Apabila jiwa rosak, ia merebak keseluruhan anggota badan. Kemudian ia mempengaruhi hati sekali gus mencemarkan pemikiran individu. Hal ini bermaksud, konsep *hifz al-nafs* pada pandangan Ibnu Qayyim iaitu *mujahadat al-nafs* dengan melawan kehendak hawa nafsu dan godaan syaitan. Beliau membahagikan nafsu itu kepada tiga jenis iaitu nafsu *mutma'innah*, nafsu *ammarah* dan nafsu *lawwamah*. *Mutma'innah* ialah sifat jiwa yang memperoleh ketenangan, *ammarah* ialah sifat jiwa yang membawa kepada keburukan adapun *lawwamah* ialah sifat jiwa yang terarah kepada penyesalan diri. Ketiga-tiga istilah mengenai nafsu ini dirumuskan daripada pengertian beberapa ayat dari kitab suci al-Quran.

Menurut Ibnu Sina (1375), jiwa ini hanya dimiliki oleh manusia dan haiwan. Ia mengatasi jiwa tumbuh-tumbuhan kerana memiliki daya gerak (*al-quwwat al-muharrifikat*) dan daya persepsi (*al-quwwat al-mudrikat*). Daya gerak akan mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu yang disukai atau menjauhi perkara yang dibenci. Daya persepsi pula membantu individu tersebut untuk

memperolehi pengetahuan sama ada melalui pancaindera luaran seperti penglihatan, pendengaran, bau, rasa dan sentuhan, atau pun melalui persepsi dalaman yang terdiri daripada daya kolektif, daya konsepsi, daya fantasi, daya imaginasi dan memori (Syah Reza, 2014). Pandangan kajian ini terhadap takrifan Ibnu Sina dalam konsep *hifz al-nafs* ini terarah kepada definisi falsafah yang turut memberikan sumbangan dalam khazanah ilmu itu sendiri.

Selain daripada ilmuwan klasik, terdapat juga takrifan-takrifan yang dihuraikan oleh ilmuwan kontemporari khususnya ahli-ahli akademik terhadap konsep *hifz al-nafs* ini. Antaranya seperti Afridawati (2015) dalam artikel jurnalnya menghuraikan bahawa konsep *hifz al-nafs* ini ialah memelihara jiwa daripada tiga tingkatan iaitu peringkat keperluan *daruriyat*, keperluan *hajiyat* dan keperluan *tahsiniyat*. Keperluan *daruriyat* ialah keperluan primer seperti memenuhi keperluan berupa makanan untuk mempertahankan hidup, dan jika ia diabaikan maka akan mengakibatkan ancaman kepada nyawa manusia. Adapun keperluan *hajiyat* pula ialah keperluan sekunder seperti diharuskan berburu dan menikmati makanan yang lazat dan halal. Jika kegiatan ini diabaikan, ia tidaklah mengancam nyawa manusia itu. Manakala keperluan *tahsiniyat* ialah seperti menetapkan tatacara makan dan minum itu sendiri. Kegiatan ini hanya berhubungan dengan kesopanan atau etika sama sekali tidak akan mengancam jiwa manusia.

Menurut Fariza (2015), konsep *hifz al-nafs* mempunyai dua maksud iaitu nafsu yang merangkumi kekuatan marah dan syahwat dalam diri manusia dan hakikat manusia itu sendiri atau zat. Maksud yang pertama itu adalah biasanya menurut pandangan ahli tasawuf kerana nafsu inilah yang menjadi faktor tercelanya sifat pada manusia. Menurut beliau bahawa nafsu ini haruslah dilawan dengan *mujahadat al-nafs*. Ibnu Qayyim (2001) telah membahagikan kepada tiga bahagian nafsu iaitu *nafs al-mutma'innah*, *nafs al-lawwamah* dan *nafs al-ammarah*. *Nafs al- mutma'innah* ialah nafsu yang tenang dan ia adalah komponen nafsu yang baik dalam diri individu. *Nafs al-lawwamah* adalah nafsu penyesalan yang merupakan komponen nafsu yang berada ditengah-tengah naluri manusia. Manakala *nafs al-ammarah* ialah naluri kejahanan yang sentiasa mengarahkan manusia melakukan kejahanan.

Konsep *hifz al-nafs* menurut Chapra (2008) ialah pemeliharaan maruah, persaudaraan, kesaksamaan sosial, keadilan, peningkatan rohani dan moral, keselamatan hidup, harta dan kehormatan, kebebasan, pendidikan, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan, memenuhi keperluan pekerjaan dan peluang berkerja sendiri, pengagihan saksama pendapatan dan kekayaan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil, keluarga dan perpaduan sosial, pengurangan jumlah jenayah, serta keamanan dan kestabilan mental. Takrifan konsep *hifz al-nafs* oleh chapra ini agak kontemporari dan bersifat menyeluruh. Takrifan ini mempunyai sedikit persamaan dengan huraian yang dibawa oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021) iaitu memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup, harta dan maruah, pemerintah yang baik, perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabilan.

Menurut Achmad Musyahid (2015), konsep *hifz al-nafs* ialah prinsip perlindungan terhadap jiwa iaitu merujuk kepada pemeliharaan dan perlindungan terhadap hak hidup secara terhormat dan memelihara jiwa agar terhindar daripada tindakan penganiayaan, pembunuhan, pemotongan anggota badan mahupun tindakan melukai. Ia juga bererti memelihara kemuliaan atau harga diri manusia dengan jalan mencegah perbuatan menuduh berzina, mencaci maki dan membunuh janin dalam kandungan. Al-Syamsuri (2018) berpandangan bahawa menghilangkan nyawa seorang manusia tanpa alasan yang dibenarkan oleh agama, maka sama sahaja dengan menghilangkan nyawa seluruh umat

manusia. Menghilangkan nyawa manusia tanpa alasan-alasan yang kuat boleh merosakkan ekosistem manusia di muka bumi ini. Hal ini bererti, konsep *hifz al-nafs* itu sama halnya dengan menjaga kehormatan dan hak hidup manusia secara keseluruhan.

### **Analisis Teori *Hifz Al-Nafs***

Daripada takrifan-takrifan yang telah dinyatakan di atas, kajian ini berpandangan bahawa konsep *hifz al-nafs* telah diterjemahkan begitu luas dengan pelbagai wajah dan dimensi yang berbeza. Jika dilihat kepada kebanyakan penulisan ilmiah yang berkaitan dengan perundangan Islam khususnya dalam ilmu *fiqh* dan *maqasid syariah*, istilah *hifz al-nafs* sering dikaitkan dengan perlindungan nyawa, yang maknanya diambil dari pensyariatan hukuman qisas. oleh sebab itu, kebanyakan ahli *maqasid* menterjemahkan *hifz al-nafs* itu sebagai mencegah melakukan hal-hal buruk terhadap nyawa, dan memastikannya tetap hidup (Al-Khadimi, 2006). Hal ini adalah kerana, Islam yang dibawa oleh nabi S.A.W itu memiliki visi yang agung sejak 14 abad yang lalu, iaitu menghormati hak asasi manusia secara komprehensif, terutama sekali kerana agama Islam sendiri sangat menitikberatkan hak kehidupan manusia (Rohidin, 2017). Daripada takrifan ini, jelas menunjukkan bahawa konsep *hifz al-nafs* itu sendiri adalah merujuk kepada larangan Allah S.W.T untuk melakukan segala perbuatan yang akan memberikan kesan buruk kepada nyawa seperti pembunuhan orang lain atau terhadap diri sendiri (Alaiddin Koto, 2004).

Namun begitu, takrifan *hifz al-nafs* yang ditafsirkan oleh kebanyakan ahli *fiqh* dan *maqasid* ini khususnya dalam perundangan qisas dikritik oleh Muhammad Tahir Ibnu ‘Asyur. Beliau menghuraikan bahawa makna memelihara nyawa adalah menjaga roh daripada kebinasaan sama ada secara individu mahupun secara umum, kerana alam dan masyarakat itu sendiri adalah terdiri daripada kumpulan individu manusia dan setiap individu mempunyai keistimewaan tersendiri yang boleh membawa kepada pembangunan alam. Tidak bermakna memelihara nyawa ini dengan menetapkan hukuman qisas semata-mata. Hal ini kerana, hukuman qisas itu sendiri adalah kaedah terlemah dalam memelihara nyawa kerana menyebabkan kehilangan. Malah kaedah pemeliharaan yang terpenting adalah dengan memeliharanya sebelum berlaku kebinasaan (Ibnu ‘Asyur, 2011).

Jika dilihat pula dalam karya-karya Islam sepanjang zaman seperti al-Harith bin Asad al-Muhasibi, Abu Talib al-Makki, Abu Hamid al-Ghazali, Ibnu Qayyim al-Jawziyyah, Ibnu Miskawayh, Said Hawwa’, ‘Uthman al-Najati dan sebagainya, mereka pula menterjemahkan konsep *hifz al-nafs* itu sebagai *tazkiyat al-nafs* iaitu merujuk kepada penyucian jiwa (Abu Dardaa et al., 2017). Mereka memandang konsep *hifz al-nafs* itu daripada dimensi yang lain kerana istilah *al-nafs* itu sendiri diterjemahkan pada sudut yang berbeza. Menurut al-Ghazali (1988), *al-nafs* itu memiliki dua pengertian, pertama menurut kalangan sufi, *al-nafs* adalah kumpulan daripada kekuatan amarah dan syahwat manusia. Menurut mereka, *al-nafs* pada dasarnya merupakan kumpulan sifat-sifat manusia yang tercela. Mereka menyatakan bahawa nafsu mesti diperangi dan ditundukkan. Hal ini didasarkan kepada sabda Nabi S.A.W yang bermaksud, “*lawanlah musuhmu iaitu nafsumu yang berada di dalam dirimu*” (H.R. Bukhari: 1164). Pengertian kedua ialah latifah yang menjadi hakikat manusia. Ia adalah inti manusia dan zatnya. Ia disifati dengan sifat yang beragam sesuai dengan kondisinya. Misalnya, apabila *al-nafs* itu tenang dan terkendali serta dapat mengatasi penyimpangan syahwat, ia dinamakan *al-nafs al-lawwamah* (al-Ghazali, 1988).

Berpaksikan kepada hujah ini, kajian ini berpandangan bahawa penjelasan tentang konsep *hifz al-nafs* itu begitu luas diuraikan oleh para ilmuwan dalam literatur mereka adalah disebabkan terma *hifz al-nafs* itu sendiri tidak dijelaskan secara *qat'i* dalam al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Abu Rayya (2012), terma *al-nafs* dan kata jamaknya *al-anfus* muncul sebanyak 266 kali dalam al-Quran.

Namun begitu, ia bersifat umum dan tidaklah merujuk kepada istilah *hifz al-nafs* itu sendiri. Atas sebab itu para ilmuwan menghuraikan konsep *hifz al-nafs* itu berpandukan kepada keilmuan mereka kepada satu-satu bidang. Sekiranya mereka adalah berlatar belakangkan *fiqh & usul*, maka mereka menterjemahkan konsep *hifz al-nafs* itu dengan menjaga nyawa agar ia selari dengan keilmuan *fiqh* dan *maqasid syariah*. Adapun sekiranya mereka adalah berlatar belakangnya tasawuf, maka mereka menghuraikan konsep *hifz al-nafs* itu dari sudut kerohanianya seperti menjaga jiwa, hawa nafsu, roh, hati, syahwat dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, dapat difahami bahawa konsep *hifz al-nafs* itu tidak hanya dimaksudkan dengan menjaga nyawa sahaja. Hal ini adalah kerana terdapat pelbagai dalil yang membuktikan bahawa *hifz al-nafs* itu bukanlah merujuk kepada menjaga nyawa sahaja, bahkan ia juga merujuk kepada huraian yang pelbagai daripada dimensi yang berbeza. Oleh yang demikian, takrifan *hifz al-nafs* itu perlulah diterjemahkan kepada dua aspek yang meluas iaitu daripada dimensi jasmani (menjaga diri) dan dimensi rohani (menjaga jiwa). Konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi jasmani adalah unsur *tangible* iaitu yang boleh dilihat dan disentuh oleh deria. Manakala konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi rohani adalah unsur *ma'awi*, iaitu sebaliknya tidak boleh dilihat dan disentuh oleh deria (Abu Dardaa et al., 2017). Jasmani termasuklah kepala, tangan, kaki, otak, jantung, perut dan sebagainya. Rohani pula adalah jiwa, nyawa, akal, hati, emosi, perasaan, nafsu dan sebagainya (Abdul Majid, 2014). Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa konsep *hifz al-nafs* itu ialah:

“Suatu tuntutan menjaga nyawa, menjaga diri dan menjaga jiwa yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dan rasul-Nya di dalam al-Quran al-Karim dan *al-Sunnah al-nabawiyyah* daripada dua dimensi utama yang meliputi dimensi jasmani dan dimensi rohani”.

### **Teori *Hifz Al-Nafs* daripada Dimensi Jasmani**

Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (2012), jasmani adalah merujuk kepada perkaitan dengan tubuh badan atau benda dan ia berlawanan dengan rohani. Oleh itu, konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi jasmani dapatlah dimaksudkan dengan menjaga diri dari sudut jisim tubuh itu sendiri yang berupaya untuk disentuh dengan deria rasa. Semua anggota tubuh yang berjisim adalah termasuk di dalam perkara yang perlu dijaga seperti jantung, otak, perut, peha, mata, tangan, kaki dan sebagainya. Untuk itu, gaya hidup yang sihat, nutrisi yang seimbang dan disusuli dengan amalan kecergasan harian merupakan makanan utama dalam memastikan konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi ini benar-benar terjaga. Selain itu juga, semua perkara yang merosakkan jisim tubuh manusia itu adalah dilarang keras kerana ia bertentangan dengan konsep *hifz al-nafs*. Sebagai contohnya melakukan aksi-aksi yang boleh merosakkan tubuh badan, pengambilan suplemen berbahaya, bermain permainan video terlampau lama, mengambil makanan-makanan yang tidak berkhasiat dan sebagainya.

Bagi menyokong hujah ini, kajian ini mendatangkan beberapa dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam memperkuuhkan lagi konsep *hifz al-nafs* ini daripada dimensi jasmani. Berikut adalah tiga dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang telah dikenal pasti berkaitan konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi jasmani dan disokong oleh kajian-kajian lepas:

Maksudnya: Dan barang siapa membunuh seorang yang beriman dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, dia kekal di dalamnya. Allah S.W.T murka kepadanya, dan melaknatnya serta menyediakan azab yang besar baginya.

(Surah al-Nisa', 4: 93)

Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut miskin. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepadamu. Membunuh mereka itu sungguh suatu dosa yang besar.

(Surah al-Isra', 17: 31)

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami oleh 'Abdullah bin 'Abdul Wahhab, telah menceritakan kepada kami oleh Khalid bin al-Harith, telah menceritakan kepada kami oleh Syu'bah daripada Sulaiman dia berkata, "saya mendengar Dhakwan menceritakan daripada Abu Hurairah RA daripada Nabi S.AW bersabda: "barangsiapa menjatuhkan diri dari gunung, hingga membunuh nyawanya (bunuh diri), maka ia akan jatuh ke neraka jahanam, ia kekal serta abadi di dalamnya selama-lamanya. Barangsiapa meneguk racun, sehingga meninggal dunia, maka racun tersebut akan berada di tangannya, dan ia akan meneguknya di neraka jahanam, ia kekal serta abadi di dalamnya selama-lamanya. Dan barangsiapa membunuh diri (menusuk dirinya) dengan besi, maka besi itu akan berada di tangannya, dengannya ia akan menikam ke perutnya di neraka jahanam, ia kekal dan abadi di dalamnya selama-lamanya.

(H.R. Bukhari, no. 5778)

### **Teori *Hifz Al-Nafs* daripada Dimensi Rohani**

Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (1998), rohani ialah batin yang berkaitan dengan roh, rohaniah atau jiwa dan maksudnya adalah berlawanan dengan jasmani. Oleh itu, konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi rohani ialah menjaga jiwa dari sudut emosi, kalbu, mental, psikologi, fikiran dan ia tidak berupaya untuk disentuh dengan deria rasa. Al-Ghazali (2000) mengukuhkan takrifan ini dengan menghuraikan konsep *hifz al-nafs* itu berdasarkan tiga pendekatan iaitu *tazkiyat al-nafs*, *mujahadat al-nafs* dan *riyadat al-nafs*. Hal ini bererti, semua perkara yang terdiri daripada akal, nafsu, jiwa dan roh serta yang berkaitan dengan praktik atau amalan agama seperti solat, puasa, tilawah al-Quran, wirid dan mengamalkan sifat-sifat mahmudah di samping menjauhi sifat-sifat mazmumah. Amalan-amalan ini disebut sebagai *tazkiyat al-nafs* atau penyucian jiwa dan pastinya ia merupakan makanan rutin bagi menjaga jiwa menurut dimensi rohani. Semua perkara yang boleh mengundang emosi yang tidak stabil, memberikan tekanan jiwa, merosakkan akal manusia, menaikkan nafsu syahwat yang tidak baik dan memberikan kesan psikologi yang buruk adalah tersasar daripada konsep menjaga jiwa menurut dimensi rohani.

Bagi menyokong hujah ini, kajian ini mendatangkan beberapa dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam memperkuuhkan lagi konsep *hifz al-nafs* ini daripada dimensi rohani. Berikut adalah tiga dalil daripada al-Quran yang telah dikenal pasti berkaitan konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi rohani:

Maksudnya: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah S.W.T. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah S.W.T hati menjadi tenteram.

(Surah al-Ra'd, 13: 28)

Maksudnya: Wahai jiwa yang tenang! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang reda dan diredaya.

(Surah al-Fajr, 89: 27-28)

Maksudnya: Dan sekalipun telah Kami perintahkan kepada mereka, bunuhlah dirimu atau keluarlah kamu dari kampung halamanmu, ternyata mereka tidak akan melakukannya, kecuali sebahagian kecil daripada mereka. Dan sekiranya mereka benar-benar melaksanakan perintah yang diberikan, nescaya itu lebih baik bagi mereka dan lebih menguatkan (iman mereka).

(Surah al-Nisa', 4: 66)

## Kesimpulan

Teori *hifz al-nafs* telah diterjemahkan begitu luas dengan pelbagai wajah dan dimensi yang berbeza. Kajian ini berpandangan bahawa penjelasan tentang konsep *hifz al-nafs* itu begitu luas dihuraikan oleh para ilmuwan dalam literatur mereka adalah disebabkan terma *hifz al-nafs* itu sendiri tidak dijelaskan secara *qat'i* di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Terma *al-nafs* dan kata jamaknya *al-anfus* muncul sebanyak 266 kali di dalam al-Quran, namun ia adalah bersifat umum dan tidaklah merujuk kepada istilah *hifz al-nafs* itu sendiri. Atas sebab itu, para ilmuwan menghuraikan konsep *hifz al-nafs* itu berpandukan kepada keilmuan mereka dalam satu-satu bidang. Sekiranya mereka adalah berlatar belakangkan *fiqh & usul*, maka mereka menterjemahkan konsep *hifz al-nafs* itu dengan menjaga nyawa agar ia selari dengan keilmuan *fiqh* dan *maqasid syariah*. Adapun sekiranya mereka adalah dari bidang tasawuf, maka mereka menghuraikan konsep *hifz al-nafs* itu dari sudut kerohanianya seperti menjaga jiwa, hawa nafsu, roh, hati, syahwat dan sebagainya.

Oleh yang demikian, takrifan *hifz al-nafs* itu perlu diterjemahkan kepada dua aspek yang meluas iaitu daripada dimensi jasmani (menjaga diri) dan dimensi rohani (menjaga jiwa). Konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi jasmani adalah unsur *tangible* iaitu yang boleh dilihat dan disentuh oleh deria. Manakala konsep *hifz al-nafs* daripada dimensi rohani adalah unsur *ma'awi*, iaitu sebaliknya tidak boleh dilihat dan disentuh oleh deria. Jasmani termasuklah kepala, tangan, kaki, otak, jantung, perut dan sebagainya. Rohani pula adalah jiwa, nyawa, akal, hati, emosi, perasaan, nafsu dan sebagainya. Tuntasnya, dapat dirumuskan bahawa konsep *hifz al-nafs* itu ialah suatu tuntutan menjaga nyawa, menjaga diri dan menjaga jiwa yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dan rasul-Nya di dalam al-Quran al-Karim dan *al-sunnah al-nabawiyyah* daripada dua dimensi utama yang meliputi dimensi jasmani dan dimensi rohani. Oleh itu, kajian ini mengharapkan agar konsep teori *hifz al-nafs* itu tidak disempitkan fahamannya oleh sebahagian pihak dengan merujuk kepada menjaga nyawa semata-mata, bahkan konsep ini perlu diperluaskan lagi pada masa hadapan bersesuaian dengan peredaran zaman.

## Rujukan

- Abdul Majid & al-Najjar. (2014). *Ab‘ad Jadidat li Maqasid al-Syari‘at*. Majallat al-Azhar.
- Abu Dardaa, M., Salasiah Hanin, H., Ahmad Irdha, M. & Mohamad Zulkifli, A. G. (2017). *Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid Syariah*. Jurnal al-Hikmah. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Abu Rayya. (2012). *Towards A Systematic Quranic Theory of Personality*. Mental Health, Religion & Culture.
- Achmad Musyahid. (2015). *Hikmat al-Tasyri’ dalam Daruriyat al-Khamsat*. Al-Risalat.
- Afridawati. (2015). *Stratifikasi al-Maqasid al-Khamsat dan Penerapannya dalam Maslahat*. Jurnal *al-Qisthu*. Institut Agama Islam Negeri Bengkulu, Sumatra Indonesia.
- Alaiddin Koto. (2004). *Ilmu Fiqh dan Usul Fiqh*, 1<sup>st</sup> ed. Rajagrafindo Persada, Jakarta.

- Al-Ghazali, A. H. (1988). *Ihya' 'Ulum al-Din*. (Yakub, I., Trans.). Pustaka Nasional, Singapura.
- Al-Ghazali, A. H. (1997). *Al-Mustasfa min 'ilmi al-Usul*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Ghazali, A. H. (2000). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Dar al-Taqwa li al-Turath, Kaherah.
- Al-Juwayni, A. M. (2003). *Mughith al-Khalq fi Tarjih al-Qawl al-Haq*. Al-Matba 'at al-'Asyriat, Beirut.
- Al-Khadimi, N. M. (2006). *Al-Munasabat al-Syari'at wa Tatbiqah al-Mu'asirat*. Dar Ibnu Hazam, Beirut.
- Al-Raysuni, A. (1995). *Nazariyat al-Maqasid 'inda Imam al-Syatibi*. 4<sup>th</sup> ed. Al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami, Herondon.
- Al-Razi, F. (1986). *Al-Arba 'in fi Usul al-Din*. Maktabat al-Kuliyat al-Azhariyat, Kaherah.
- Al-Syamsuri, A. (2018). *Maqasid Syariah Kaitannya dengan Menjaga Jiwa Menurut Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dan al-Syatibi (Analisis Perbandingan)*. (Postgraduate Thesis). Fakultas Syariah dan Hukum, Universiti Islam Negeri Alaudin Makassar.
- Arief Salleh, R., Nurrulhidayah, A. F., Zulkiflee, H., Mohd Nasir, R., Aminuddin, H., Mifedwil, J. & Nor Azwa, O. J. (2019). *Fatwa dan Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syariah*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Universiti Teknologi Mara (UTM).
- Chapra. (2008). *The Islamic Vision of Development in The Light of the Maqasid Syariah*. Islamic Research & Training Institute.
- Fariza. (2015). *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Ibnu 'Asyur, M. T. (2011). *Maqasid al-Syari'at al-Islamiyat*. n.d. Dar al-Salam, Kaherah.
- Ibnu Bajjah. (1945). *Al-Tadbir al-Mutawahhid* (The Rule of The Solitary). (Ziyadah, M. Trans.) 1<sup>st</sup> ed. McGill University, Kanada.
- Ibnu Manzur, A. A. (2012). *Lisan 'Arabi*. Dar al-Tawfiq li al-Turath, Kairo.
- Ibnu Qayyim. (2001). *Tibb al-Qulub*. Dar al-Qalam, Damsyiq.
- Ibnu Sina. (1375). *Fi al-Quwa al-Insaniyah wa Idrakatiha dalam Tis'u Rasail fi al-Hikmat wa al-Tobi'iyyat*. 1<sup>st</sup> ed. Muassasat Maktab Ahl al-Bayt, Tehran.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). *Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqasid Syariah dalam Tadbir Urus*. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus>
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2012). 4<sup>th</sup> ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Krippendorff, K (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*: Sage
- Muhammad Khayr, F. (2003). *Manhaj al-Islam fi Tazkiyat al-Nafs*. Dar al-Khayr.
- Muhammad Latiffi, M., Shaik Abdullah, H. M., Mohd Afifuddin, M. & Rafidah, R. (2019). *Pembangunan Jiwa Berasaskan Konsep al-Nafs Menurut Perspektif Ibn Bajjah*. Jurnal Usuluddin 47. Universiti Sains Malaysia (USM).

- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Raohatul Hayat, A. S. (2020). *Formula Pemeliharaan Jiwa (Hifz al-Nafs) pada Undang-Undang Nomor 16 Tahun 2019*. Jurnal Islamic Revie: Jurnal Riset dan Kajian Keislaman. IPMAFA Press.
- Rohidin. (2017). *Buku Ajar Pengantar Hukum Islam: Dari Semenanjung Arabia hingga Indonesia*. Aksara Books, Yogyakarta.
- Syah Reza. (2014). *Pembangunan Individu Menurut Ibnu Sina: Analisis Terhadap Karya-Karya Terpilih*. Universitas Darussalam (UNIDA), Gontor.
- White & Marsh. (2006). *Content Analysis: A Flexible Methodology*. 1<sup>st</sup> ed. Library Trend, University of Illinois at Urbana Champaign.
- Zubair Amir, N. R., Nur Mardia, M., Mohd Fuad, M. S. & Nan Noorhidayu, M. L. (2019). *Aplikasi Maqasid Syariah dalam Sistem Pendidikan di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21*. International Journal of Business Economics and Law. International Islamic University Malaysia (UIAM).